

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 01 JULAI 2014 (SELASA)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Inovasi padi bukit	Harian Metro
2	Makanan yang diradiasi selamat untuk dimakan – Agensi Nuklear Malaysia	Bernamea.com
3	Kita sudah sedia	Harian Metro
4	Bekalan makanan dijamin cukup	Kosmo
5	Langkah bersepadu hadapi El Nino : TPM	Sinar Harian
6	“Govt geared for El Nino”	New Straits Times
7	The heat will go on for another three months, says dept	The Star
8	Milder El Nino but Govt leaving nothing to chance	The Star
9	Govt preparing for El Nino	The Sun
10	Kerajaan bincang persediaan jaminan bekalan makanan Negara mencukupi berikutan El-Nino	Bernamea.com
11	Inovasi kit halal UPM sejak 2010	Sinar Harian
12	Felda wellness plans IPO	The Star

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (AGRO) : MUKA SURAT V1
TARIKH : 1 JULAI 2014 (SELASA)

Harian Metro

SELASA, 1 JULAI 2014

Variasi

Agro



Hampas tebu bernilai

Bantu lambatkan
pengerasan simen »4



Resipi warisan

lkan pekasam
ubah hidup Md Isa »5

Inovasi padi bukit



MARDI membantu penanam padi bukit di Kampung Gahat, Tebedu,
Serian Sarawak meningkatkan pendapatan mereka »2&3

KERATAN AKHBAR
 HARIAN METRO (AGRO) : MUKA SURAT V2
 TARIKH : 1 JULAI 2014 (SELASA)

FOKUS
 Oleh Mohd Sabran Md Sani
 sab@mediaprima.com.my

Kampung Gahat, Tebedu, Serian Sarawak agak asing bagi penulis, namun tidak bagi Dr Sariam Othman.

Walaupun jauh di pedalaman, semangatnya membantu membangunkan taraf sosioekonomi penduduk setempat harus dibanggakan.

Bijak mengatur bicara antara bakat semula jadi Pengarah Pusat Perkhidmatan Teknikal, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) itu dalam membujuk golongan sasaran.

Tidak hairanlah jika ada mengangganya 'pakar padi' kerana berjaya meningkatkan hasil padi bukit sekali ganda.

Duduk bersembang di rumah petani, Bonnie Mbuh Udai memberi pengalaman baru kepada penulis.

Di kampung itu, majoriti penduduknya etnik Bidayuh dan banyak pengalaman baru cuba diteroka terutama aktiviti penanaman padi bukit.

Selaku ketua petani,

PROJEK peningkatan hasil padi bukit yang berjaya dilaksanakan MARDI di Kampung Gahat, Tebedu, Serian

MOSTI sedia dana RM1.3 juta

Majukan kira-kira 60,000 hektar kawasan penanaman padi bukit membabitkan 80,000 petani di Sarawak



DR Sariam



PETANI sedang memungut hasil padi di kawasan berbukit.



PENINGKATAN hasil padi bukit yang ketara.



KAEDAH menugal secara tradisional oleh golongan lelaki

RM1.3 juta melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

"Projek ini bermula pada 1 September 2009 dan MARDI diminta mengkaji dan mengenal pasti kaedah meningkatkan pengeluaran padi bukit di Sarawak.

"Kami memilih Kampung Gahat sebagai lokasi kajian membabitkan penyertaan 27 petani di kawasan seluas 15 hektar," katanya.

Pada awal pembabitkan, katanya, seramai 250 responden di Serian terbahit dalam proses bancian.

"Daripada bancian itu, purata hasil padi bukit di Serian sekitar 700 kg/ha/musim," katanya.

Antara usaha MARDI ialah memperkenalkan teknologi dan melakukan penambahbaikan kaedah pengurusan tanaman sedia ada.

MARDI turut melaksanakan amalan pembiasaan tanaman padi bukit. Kesannya, hasil meningkat dari musim ke musim hingga menampakkan perubahan ketara menjangkau 100 peratus peningkatan hasil.

Musim pertama kajian (2009/2010) sudah menampakkan kejayaan. Ha-

mudah mengusahakan padi sawah kerana padi bukit bergantung sepenuhnya kepada air hujan.

Uniknya, untuk menanam padi bukit, penduduk masih mengamalkan konsep gotong royong seperti kerja menugal (mengorek lubang) dilakukan lelaki manakala wanita memasukkan benih ke dalam lubang.

Kini, terdapat kira-kira 60,000 hektar kawasan penanaman padi bukit membabitkan 80,000 petani di Sarawak.

Dr Sariam berkata, projek peningkatan hasil padi bukit di Sarawak dilaksanakan menerusi dana

KERATAN AKHBAR HARIAN METRO (AGRO) : MUKA SURAT V3 TARIKH : 1 JULAI 2014 (SELASA)

FOTO NIK ROSLIYAH

sil meningkat 23 peratus iaitu 915 kilogram sehektar berbanding tahun sebelumnya.

Musim seterusnya hasil meningkat kepada 1,286 kg iaitu peningkatan 78 peratus (musim 2010/2011) dan 98 peratus pada musim ketiga iaitu 1,428 kg (musim 2011/2012).

Melalui amalan pengurusan tanaman yang disyorkan, hasil terus meningkat walaupun padi bukit ditanam di kawasan yang sama sehingga empat musim berturut-turut.

"Kelebihan padi bukit, petani tidak perlu menebang pokok besar dan tiada aktiviti pembakaran terbuka," katanya.

Langkah diambil MARDI ialah memperkenalkan teknologi pengurusan tanaman padi bukit yang sesuai, selain penggunaan input yang optimum.

"Dulu sesetengah petani menanam padi agak jarang antara satu sama lain.

"Jadi, kami tingkatkan dari segi agronomi termasuk bagaimana kaedah penanaman yang sesuai seperti kadar benih dan juga densiti tanaman," katanya.

Aktiviti pengapuran tanah dan kawalan rumpai sebelum dan selepas rumput bercambah juga ditekankan.

Bagi memudahkan petani meleraikan padi daripada tangkainya, MARDI juga menyediakan mesin khas meleraikan padi yang mempercepatkan proses selepas tuai.

Ditanya kejayaan projek itu, Dr Sariam berkata,

ia mencapai matlamat dan objektif asal.

"Pemantauan kerap juga dilakukan pegawai MARDI Kuching dan Seberang Perai, malah setiap tahun peserta dibawa berkursus atau menghadiri bengkel.

"Bengkel ini membuka ruang kepada peserta mengemukakan masalah, selain mendapat ilmu baru," katanya.

Bagi perancangan masa depan, katanya, kajian terperinci pembangunan varieti akan dilaksanakan.

"Kami ingin membangunkan varieti tempatan termasuk memendekkan tempoh matang tanaman padi bukit.

"Ada perancangan untuk melaksanakan penanaman padi bukit dua kali setahun berbanding sekali setahun untuk semusim antara September hingga Februari yang dilaksanakan ketika ini," katanya.

AKTIVITI penanaman padi bukit.



BONNIE mewakili penduduk kampung ketika menyambut kedatangan Dr Sariam dan wartawan.



ALAT tradisional digunakan untuk menuai padi.



PRODUK beras padi bukit yang dijual pada harga tinggi.



INOVASI menuai padi dihasilkan MARDI

Rumpai laut kaya nutrien



- Rumpai Laut adalah sejenis tumbuhan yang hidup dalam air masin dalam laut terutama di kawasan yang mempunyai kesesuaian persekitaran semula jadi.
- Terdapat beratus-ratus spesies rumpai laut dari pada jenis bersuhu sejuk atau panas, kawasan air cetek atau laut dalam dengan berbagai warna dan bentuk.
- Malaysia antara negara yang mempunyai kawasan sesuai untuk tumbuhan rumpai laut terutama perairan Sabah.
- Eucheuma adalah sejenis spesies rumpai laut yang tumbuh liar dalam

- kelompok yang banyak terutamanya di negeri Sabah, Malaysia Timur.
- Ia boleh didapati tumbuh dalam air yang tenang atau medium air yang bergerak perlahan.
- Kajian saintifik menunjukkan Eucheuma mengandungi bahan berguna yang boleh digunakan dalam proses asas biokemikal dan bioteknologi.
- Karaginan adalah produk yang banyak digunakan oleh pelbagai industri seperti farmaseutikal, kosmetik, kilang penapisan, pengawetan dan industri pembuatan bahan letupan peluru.
- Kultur rumpai laut menjadi satu bidang diminati dalam kalangan pengusaha di Malaysia.

- Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) banyak memberi galakan dalam industri ini.
- Rumpai laut di Semporna Sabah adalah yang terbaik di dunia.
- Rumpai laut memerlukan kawasan yang sesuai untuk pembiakan baik.
- Ia memerlukan kawasan pengaliran air perlahan supaya nutrien dibawa dan diganti secara semula jadi untuk tumbesaran rumpai laut.
- Ia juga memerlukan kawasan yang tiada arus, ombak dan angin kuat.
- Kawasan batu karang dan berpasir adalah tempat paling sesuai.
- Ia juga sesuai di kawasan jauh dari muara sungai

- atau terdapat percampuran air tawar dan air masin.
- Suhu air yang sesuai antara 25 hingga 30 darjah Celsius.
- Paras air tidak kurang 0.15 meter dalam ketika pasang.
- Dasar laut mestilah kuat supaya menampung pemaaran atau pancang lain-lain struktur binaan manusia di atasnya.
- Eucheuma cottonii dan Eucheuma spinosum adalah dua spesies yang lazim ditanam di Semporna Sabah, Malaysia Timur.
- Rumpai laut adalah salah satu tumbuhan bernilai tinggi di bawah air laut atau sungai di dunia.
- Ia juga tumbuhan yang menarik dan berlainan daripada jenis tumbuhan di laut.
- Rumpai laut juga adalah



'sayur laut' yang mengandungi kekayaan nutrien.

Rumpai laut mengandungi nutrien, antaranya mineral dan fiber.

Tempoh 45 hari selepas ditanam adalah masa terbaik untuk menuai rumpai laut kerana kandungan ka-

raginan paling baik kumulatifnya ketika itu.

Kaedah menuai adalah dengan mengutip rumpai dari dalam air dan dijemur di tempat panas selama dua hingga tiga hari sehingga kandungan air berkaki 38 peratus saja.



Makanan Yang Diiradiasi Selamat Untuk Dimakan - Agensi Nuklear Malaysia

KUALA LUMPUR (Bernama) -- Proses iradiasi makanan yang menggunakan teknologi nuklear adalah kaedah alternatif terbaik bagi meningkatkan kualiti dan keselamatan makanan, kata [Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia \(MNA\) Datuk Dr Muhamad Lebai Juri](#).

Katanya proses iradiasi yang mendedahkan makanan dalam bungkus terakhiri kepada sinaran gamma dapat memusnahkan bakteria di dalam makanan.

"Proses ini untuk tujuan pengawetan, dekontaminasi serta kuarantin dapat memusnahkan kuman dalam makanan bagi produk yang ingin diekspor ke luar negara," katanya selepas merasmikan Seminar Keselamatan Makanan 2014, di sini.

Beliau berkata bagaimanapun masih terdapat kekeliruan orang ramai terhadap keselamatan makanan yang diiradiasi kerana proses itu melibatkan teknologi nuklear, sedangkan kaedah tersebut tidak meninggalkan sebarang kesan radioaktif pada makanan.

Proses iradiasi itu juga dapat meningkatkan daya tahan dan mengurangkan kerosakan makanan selepas tuai terutamanya produk mentah seperti buah-buahan, katanya.

Beliau berkata keselamatan makanan diiradiasi telah diiktiraf dan dijamin oleh agensi antarabangsa seperti Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) dan di lebih 60 negara termasuk Malaysia.

Katanya penyelidikan menentukan kesesuaian iradiasi terhadap produk makanan tempatan telah dijalankan oleh penyelidik MNA bersama agensi lain sejak 1980.

Susulan itu Kementerian Kesihatan telah meluluskan penjualan makanan diiradiasi di negara ini menurut Peraturan Iradiasi Makanan 2011 yang berkuat kuasa Oktober 2013.

Menurutnya lagi pengeksport makanan di Malaysia digalakkan memanfaatkan kaedah itu bagi memenuhi permintaan luar negara yang semakin meningkat terhadap produk makanan tempatan.

"Oleh itu, Seminar Keselamatan Makanan kali keempat anjuran MNA dan Persatuan Perlindungan Sinaran Malaysia (Marpa) yang diadakan bermula hari ini dan berakhir esok menengahkan isu berkaitan iradiasi bagi meningkatkan kefahaman dan mengubah persepsi negatif masyarakat terhadap kaedah ini," katanya.

KERATAN AKHBAR

HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 19

TARIKH: 01 JULAI 2014 (SELASA)

Oleh Hayati Ibrahim
ya_t@hmetro.com.my
Putrajaya

Kerajaan bersedia memastikan jaminan bekalan makanan dalam negara mencukupi sepanjang menghadapi fenomena El Nino membabitkan sektor tanaman, ternakan dan perikanan.

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, walaupun fenomena El Nino yang bakal melanda negara hanya pada kategori lemah atau sederhana, tetapi kerajaan membuat persediaan rapi bagi mengurangkan kesan negatif kepada rakyat dan negara.

Menurutnya, beberapa langkah jangka pendek, sederhana dan panjang dilaksanakan membabitkan usaha memastikan pengurusan pengairan yang cekap, meningkatkan kecekapan pengurusan ladang dan membangunkan jenis tanaman tahan kemarau serta cepat matang.

Katanya, usaha lain adalah membangunkan model tanaman setempat, mempelbagaikan pendapatan petani, melaksanakan kempen kesedaran dan membangunkan model simulasi peramalan El Nino.

"Sebagai langkah alternatif, import bekalan makanan ditingkatkan lagi sekiranya berlaku penurunan pengeluaran yang serius.

"Seandainya masih terdapat penurunan hasil pengeluaran selepas langkah berkenaan dilaksanakan, petani, penternak dan pengusaha akan dibantu melalui Tabung Bantuan Bencana Agromakanan bagi memulihkan semula projek pertanian mereka untuk menjamin bekalan makanan mencuku-



■ Pelbagai langkah dirangka hadapi kesan El Nino

pi," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan Bagi Menangani fenomena El Nino berkenaan di sini, semalam.

Muhyiddin berkata, berdasarkan penjelasan Jabatan Meteorologi Malaysia (Met-Malaysia) semua indikator menunjukkan fenomena El Nino tahap lemah atau sederhana terbentuk antara Jun dan Ogos 2014 di Khatulistiwa Lautan Pasifik dan boleh berlarutan sehingga pertengahan 2015.

Menurutnya, fenomena berintensiti rendah atau sederhana seperti yang berlaku

pada 2009 hingga 2010 lazimnya kurang memberi kesan kepada negara.

"Tetapi fenomena yang berintensiti kuat seperti yang berlaku pada 1997 hingga 1998 boleh menjejaskan pelbagai sektor termasuk alam sekitar, utiliti, kesihatan, pertanian, komoditi, pengangkutan, ekonomi dan sosio ekonomi.

"Justeru, jawatankuasa itu sudah menyediakan langkah persediaan bersesuaian dengan tahan intensiti fenomena El Nino, selain melakukan penambahbaikan jika intensiti berubah menjadi lebih kuat," katanya.

Menurutnya, bagi menga-

wal kesan fenomena El Nino terhadap alam sekitar dan kesihatan awam pula, kerajaan melalui Majlis Keselamatan Negara (MKN) akan menggerakkan Pasukan Pertugas yang dianggotai pelbagai agensi kerajaan.

Beliau berkata, ia merangkumi Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, MetMalaysia, Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM); Jabatan Pengairan dan Saliran; Jabatan Penerangan dan Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Katanya, pasukan ini akan memantau dan mengambil

tindakan mencegah kebakaran terbuka dan tanah gambut, serta menjalankan operasi pembenihan awan bagi meningkatkan paras air mentah di sungai dan empangan serta mengurangkan tahap ketebalan jerebu.

"Bagi bekalan air pula, Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) bekerjasama dengan kerajaan negeri bagi memantau paras semua sungai dan empangan yang membekalkan sumber air mentah kepada loji rawatan air.

"Pelan kontingensi bekalan air diaktifkan sekiranya kea-

daan air sungai dan empangan menyusut pada paras kritikal," katanya.

Muhyiddin berkata, pelan kontingensi itu merangkumi tindakan termasuk mengagihkan semula bekalan air daripada sistem bekalan air di kawasan yang tidak terjejas ke kawasan terjejas; menyediakan keperluan logistik seperti lori tangki dan tangki statik.

Katanya, ia bagi menyediakan bantuan bekalan air di kawasan yang menghadapi gangguan bekalan air dan melaksanakan catuan air kepada pengguna sekiranya perlu serta sebagai pilihan terakhir.

Di samping itu, beliau berkata, jawatankuasa ini juga memutuskan supaya maklumat semasa berkaitan fenomena El Nino sentiasa dikemas kini dan dihebahkan kepada umum supaya semua pihak faham dan lebih bersedia menghadapi kesannya.

"Rakyat juga harus mengambil langkah dan bekerjasama dengan kerajaan untuk mengurangkan kesan fenomena ini, termasuk sentiasa menjaga kebersihan kawasan sekitar bagi mengelakkan pembiakan nyamuk Aedes dan pencemaran punca air serta sentiasa menjaga kesihatan terutama ketika jerebu dan cuaca panas melampau.

"Selain itu, rakyat juga perlu sentiasa berhemah menggunakan air, elektrik dan bekalan makanan serta mengurangkan aktiviti yang boleh menyebabkan kebakaran hutan dan sentiasa mematuhi arahan dikeluarkan oleh kerajaan," katanya.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 04
TARIKH: 01 JULAI 2014 (SELASA)

Kerajaan ambil langkah persediaan untuk hadapi fenomena El Nino
Bekalan makanan dijamin cukup

Oleh MOHD. TURMADZI MADUN
turmadzi.madun@kosmo.com.my

PUTRAJAYA - Kerajaan menjamin bekalan makanan melibatkan sektor tanaman, ternakan dan perikanan mencukupi ekoran fenomena El Nino yang dijangka melanda negara sehingga pertengahan tahun depan.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, untuk itu kerajaan bersedia melaksanakan beberapa langkah jangka pendek, sederhana dan panjang untuk memastikan pengurusan pengairan dan ladang dilakukan dengan cekap.

Katanya, selain itu, antara langkah yang akan diambil termasuk membangunkan jenis tanaman tahan kemarau dan cepat matang, membangunkan model tanaman setempat, mempelbagai pendapat petani, melaksanakan kempen kesedaran dan membangunkan model simulasi peramalan El Nino.

"Import bekalan makanan akan ditingkatkan. Petani, penternak dan pengusaha akan diberi bantuan melalui Tabung Bantuan Bencana Agromakanan sekiranya terdapat lagi penurunan bekalan walaupun langkah tersebut telah diambil.

"Ia bagi memulihkan semula projek pertanian mereka demi menjamin bekalan makanan mencukupi," katanya dalam satu kenyataan selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa



MUHYIDDIN (depan) mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan Bagi Menangani Fenomena El Nino di pejabatnya di Putrajaya semalam.

Kebangsaan Bagi Menangani Fenomena El Nino di pejabatnya di sini semalam.

Tambahnya, Majlis Keselamatan Negara (MKN) juga akan menggerakkan pasukan petugas yang dianggotai pelbagai agensi termasuk Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, **Jabatan Meteorologi**, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Pengairan dan Saliran bagi menjaga alam sekitar dan kesihatan awam.

Menurut Muhyiddin, pasukan itu akan memantau dan mengambil tindakan untuk mencegah pembakaran terbuka dan tanah gambut, menjalankan operasi pembenihan awan untuk

meningkatkan paras air di sungai dan empangan serta mengurangkan jerebu.

"Pelan kontingensi bekalan air akan diaktifkan sekiranya keadaan paras sungai dan empangan berada pada paras kritikal. Kerajaan Persekutuan akan bekerjasama dengan kerajaan negeri bagi memantau keadaan itu," katanya.

Ujar Muhyiddin, antara tindakan dalam pelan itu termasuk membuat pengagihan semula bekalan air, menyediakan lori tangki dan tangki statik serta melaksanakan catuan air jika perlu.

Tambahnya, segala maklumat semasa berkaitan El Nino sentiasa dikemas kini dan dihebahkan kepada umum supaya dia difahami dan bersedia menghadapi kesan-kesannya.

Langkah bersepadu hadapi EL Nino: TPM

■ MUHAMMAD ZAKWAN NAZARLY

PUTRAJAYA – Kerajaan akan menimbangkan beberapa langkah bagi menjamin bekalan makanan negara mencukupi ketika berhadapan fenomena El Nino.

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, langkah itu melibatkan sektor yang menyumbang kepada penghasilan sumber makanan seperti tanaman, ternakan dan perikanan.

“Kita akan melaksanakan beberapa langkah jangka pendek, sederhana dan panjang seperti memastikan pengurusan pengairan yang cekap, meningkatkan kecekapan pengurusan ladang, membangunkan jenis tanaman tahan kemarau dan cepat matang.

“Kerajaan juga akan berusaha membangunkan model tanaman setempat, mempelbagaikan pendapatan petani, melaksanakan kempen kesedaran dan membangunkan simulasi peramalan El-Nino akan dilaksanakan,” katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan Bagi Menangani Fenomena El Nino, semalam.

Menurutnya, jika usaha itu tidak membuahkan hasil dan tetap berlaku penurunan pengeluaran, sebagai alternatif import bekalan makanan akan ditingkatkan.



Muhyiddin mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan menangani El-Nino terhadap bekalan air dan sektor berkaitan di Bangunan Perdana Putra.

“Petani, penternak dan pengusaha akan diberi bantuan melalui Tabung Bantuan Bencana Agro Makanan, jika masih terdapat penurunan dalam hasil pengeluaran makanan setelah langkah-langkah tersebut dilaksanakan,” katanya.

Bagi mengawal kesan El Nino terhadap alam sekitar dan kesihatan awam pula, kerajaan melalui Majlis Keselamatan Negara akan menggerakkan pasukan petugas yang dianggotai Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan,

Jabatan Meteorologi, Jabatan Alam Sekitar serta Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Mengenai bekalan air pula, Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Pengairan dan Saliran serta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) akan bekerjasama dengan kerajaan negeri memantau rapi paras semua sungai dan empangan.

Muhyiddin berkata, pelan kontingensi bekalan air hanya akan diaktifkan sekiranya keadaan paras sungai dan empangan menyusut kepada paras kritikal.

'Govt geared for El Nino'

DRY DAYS: There'll be sufficient food supply, plan for water redistribution, says DPM

ADIB POVERA
PUTRAJAYA
news@nst.com.my

THE government has made preparations to cushion the aftermath of the El Nino phenomenon, which started with a prolonged dry spell last month.

Deputy Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin, in a statement, said the government would ensure there was an adequate stockpile of food for the people from the agriculture, livestock and fisheries sectors.

Muhyiddin, who also heads a national committee in the wake of El Nino, said the government would implement short-, medium- and long-term initiatives in view of the phenomenon.

Among the efforts are the efficient management of irrigation for agricultural and farming activities.

"Other steps include cultivating drought-resistant and precocious plants, developing a local crops module, diversifying sources of income for farmers, embarking on an awareness campaign and establishing an El Nino forecasting simulation module.

"As an alternative measure, the government will increase the import of food items should the country's food production plunge drastically," said Muhyiddin.

He had earlier chaired a meeting of the committee. Present were Energy, Green Technology and Water Minister Datuk Seri Dr Maximus Ongkili, Minister in the Prime Minister's Department Datuk Seri Shahidan Kassim, Health Minister Datuk Seri Dr S. Subramaniam and Chief Secretary to the Government



Deputy Prime Minister **Tan Sri Muhyiddin Yassin** chairing the national committee to tackle El Nino-related issues in **Putrajaya** yesterday. To his right is Energy, Green Technology and Water Minister **Datuk Seri Dr Maximus Ongkili**. Bernama pic

Tan Sri Dr Ali Hamsa.

To lessen the burden of farmers and breeders who had suffered losses because of the dry weather, Muhyiddin said the government would provide financial aid.

"If the nation's food production continues to drop after all measures have been exhausted, the government will provide assistance through the Agrofood Disaster Assistance Fund to affected farmers, breeders and agro-based entrepreneurs."

Federal agencies will work with the Drainage and Irrigation Department (DID) and National Water Services Industry to monitor the water levels in rivers, dams and

treatment plants.

Muhyiddin said a contingency plan would be activated if the water levels in all main rivers and dams dropped to critical levels.

"The contingency plan comprises actions to redistribute water from supply systems in areas with sufficient levels to affected areas.

"The government will deploy tankers and station static water tanks in areas experiencing water cuts," he said, adding that water rationing would be enforced if the need arose.

To minimise the impact on the environment, the government, via the National Security Council, will mobilise its task force, comprising

representatives from the Health Ministry, Education Ministry, Meteorological Department, Environmental Department, Fire and Rescue Department, DID, Information Department and Radio Televisyen Malaysia.

Muhyiddin said the task force would monitor and conduct actions to control open burning and peat fires.

"The task force will be involved in cloud-seeding operations to increase the raw water levels in rivers and dams, and reduce haze."

He said indicators had shown that the El Nino phenomenon in the country was at a weak or moderate level.

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 05
TARIKH: 01 JULAI 2014 (SELASA)

The heat will go on for another three months, says dept

By **LOSHANA K SHAGAR**
loshana@thestar.com.my

PETALING JAYA: Malaysians must brace themselves for hot and dry weather for the next three more months at the least. This is because effects of the southwest monsoon is on course to be boosted by the El Nino phenomenon.

The Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia) said though there would be a respite this week with isolated rains in several areas in the country, the dry weather would continue until September, at the least.

"Isolated rains are forecast due to the weakening in wind speed and availability of moisture," MetMalaysia

said in a statement yesterday.

"El Nino has not been established yet, but the majority of climate prediction centres worldwide expect it to develop in the next few months," it said.

MetMalaysia noted that rain over the past weekend reduced the impact of the hot weather, which hit a maximum 33.6°C in the peninsula

and 32.8°C in Sabah and Sarawak.

However, it warned that temperatures could spike to 36°C when the El Nino phenomenon emerged.

The department did not comment on whether the unfavourable weather conditions would have an impact on water supply.

On the haze situation, the Department of Environment said 40

areas recorded good air quality readings yesterday, while 10 areas, mostly in Malacca, Negri Sembilan, Kuala Terengganu, Muar, Kuala Lumpur and Putrajaya, recorded moderate readings.

This was a marked improvement from Sunday, which showed 24 areas with moderate air quality levels and 26 others with good air quality.

Milder El Nino but Govt leaving nothing to chance

PUTRAJAYA: Although the intensity of this year's El Nino is expected to be mild or moderate, the Government is leaving nothing to chance.

The special cabinet committee set up to brace for weather phenomenon held its first meeting yesterday and was informed by the Malaysian Meteorological Department that, unlike the extreme El Nino of 1997 and 1998, the effects this time may not be as drastic.

The committee headed by Deputy Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin discussed measures to ensure adequate food and water supply, besides contingencies to handle open burning.

"Steps to ensure food security including agriculture, livestock and fish supplies were discussed," the committee said in a press statement.

The Government was also prepared to increase food imports, if there were serious shortages.

The National Security Council will also be coordinating efforts by various ministries and agencies to tackle the effects of the El Nino on the environment and public health.

Teams will be deployed to tackle open burning and peat fires. Cloud seeding will also be conducted to increase raw water in dams and to reduce haze if necessary.

The National Water Services Commission (Span) will also work with state governments to monitor raw water reserves.

"Contingency plans will be activated if water levels in rivers and dams fall to critical levels."

The committee said water rationing would only be implemented as a last resort.

Govt preparing for El Nino

> Committee discusses measures to ensure adequate food, water supply

BY VATHANI PANIRCHELVUM
newsdesk@thesundaily.com

PUTRAJAYA: The government is taking all necessary steps to prepare for the effects of El Nino, said the national committee that has been formed to handle the matter.

According to the **Metrological Department**, there are indications of a low to medium-scale El Nino phenomenon forming between June to August and could last until mid-2015.

"Although the phenomenon is expected to be low to medium in intensity, the government is still taking necessary steps to be ready. An El Niño occurrence with the same intensity happened between 2009 and 2010 and normally does not impact Malaysia too much. But the El Niño that happened between 1997 and 1998 had a strong intensity, and effected multiple sectors in Malaysia, including

the environment, health, agriculture, transportation, economy and socioeconomic sectors of the country," the committee said in a statement after its first meeting in Putrajaya, that was chaired by Deputy Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Among the steps discussed by the committee were preparations by the government to ensure there is no food shortage, involving sectors like agriculture, farming and fishing.

"A few short-term steps would be taken, involving good irrigation planning, increasing farming efficiency and planting crops that would mature faster in hot seasons. We are going to diversify the income for plantations and have awareness campaigns and develop an El Nino simulation model," it said.

"As an alternative, imports of food will be increased if there is a serious drop in local supply. If there is still a shortage after these steps are taken, farmers and plantation owners will be assisted through Tabung Bantuan Bencana Agromakanan to restore their plantation

projects to ensure adequate food supply."

To control the effects of El Niño on the environment, the government, through the National Security Council, will mobilize its members from various government agencies like the Health Ministry, Education Ministry, **Metrological Department**, Environment Department, Fire and Rescue Department, Civil Defence Department and Department of Broadcasting, to monitor and take action to prevent open burning and peat fires.

"This council will also do cloud-seeding if necessary to increase the water level in rivers and catchments as well as to combat the haze problem," it added.

Other contingency plans include water redistribution from non-affected areas to areas that would face water shortage, preparing other logistics like water tankers and static tanks to supply water to affected areas. As a last resort, water rationing would be implemented.

"People are advised to save electricity, water and food," the committee said.



Kerajaan Bincang Persediaan Jaminan Bekalan Makanan Negara Mencukupi Berikutan El-Nino



PUTRAJAYA, 30 Jun (Bernama) -- Mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan Bagi Menangani Fenomena El Nino hari ini membincangkan persediaan kerajaan untuk menjamin bekalan makanan negara melibatkan sektor tanaman, ternakan dan perikanan mencukupi berikutan fenomena itu.

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata beberapa langkah jangka pendek, sederhana dan panjang akan dilaksanakan seperti memastikan pengurusan pengairan yang cekap, meningkatkan kecekapan pengurusan ladang, membangunkan jenis tanaman tahan kemarau dan cepat matang.

Beliau juga berkata usaha membangunkan model tanaman setempat, mempelbagaikan pendapatan para petani, melaksanakan kempen kesedaran dan membangunkan simulasi peramalan El-Nino akan dilaksanakan.

"Sebagai langkah alternatif, import bekalan makanan akan ditingkatkan sekiranya berlaku penurunan pengeluaran yang serius," katanya dalam satu kenyataan selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa berkenaan di sini.

Muhyiddin berkata jika masih terdapat penurunan dalam hasil pengeluaran makanan setelah langkah-langkah tersebut dilaksanakan, maka petani, penternak dan pengusaha akan diberi bantuan melalui Tabung Bantuan Bencana Agromakanan.

Tabung itu, katanya, bertujuan memulihkan semula sektor pertanian demi menjamin bekalan makanan yang mencukupi.

Timbalan Perdana Menteri berkata walaupun fenomena itu dijangka hanya pada kategori lemah atau sederhana, kerajaan tetap membuat persediaan rapi bagi mengurangkan kesan negatifnya kepada rakyat dan negara.

"Jawatankuasa kebangsaan itu juga akan membuat penambahbaikan dari semasa ke semasa jika intensiti fenomena El Nino berubah menjadi lebih kuat," katanya.

Bagi mengawal kesan El Nino terhadap alam sekitar dan kesihatan awam pula, Muhyiddin berkata kerajaan melalui Majlis Keselamatan Negara akan menggerakkan pasukan petugas yang dianggotai pelbagai agensi kerajaan seperti Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, [Jabatan Meteorologi](#), Jabatan Alam Sekitar serta Jabatan Bomba dan Penyelamat.

"Pasukan itu akan memantau dan mengambil tindakan untuk mencegah kebakaran terbuka dan kebakaran tanah gambut, menjalankan operasi pembenihan awan bagi meningkatkan paras air mentah di sungai dan empangan serta mengurangkan tahap ketebalan jerebu," katanya.

Mengenai bekalan air pula, beliau berkata kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Pengairan dan Saliran dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara akan bekerjasama dengan kerajaan negeri bagi memantau rapi paras semua sungai dan empangan.

Muhyiddin berkata pelan kontigensi bekalan air hanya akan diaktifkan sekiranya keadaan paras sungai dan empangan menyusut kepada paras kritikal.

"Antara pelan kontigensi itu ialah mengagihkan semula bekalan air daripada sistem bekalan air di kawasan yang tidak terjejas kepada kawasan yang terjejas.

"Keperluan logistik seperti lori tangki dan tangki statik juga akan disediakan bagi menyediakan bantuan bekalan air di kawasan yang menghadapi gangguan, manakala catuan bekalan air akan dilaksanakan jika perlu," katanya.

Selain itu, jawatankuasa turut menetapkan supaya maklumat semasa berkaitan El Nino sentiasa dikemas kini dan dihebahkan kepada umum.

Muhyiddin berkata beberapa tindakan turut disyorkan kepada rakyat bagi mengurangkan kesan El Nino, antaranya menjaga kebersihan kawasan sekitar, menjaga kesihatan terutamanya ketika jerebu dan cuaca panas terlampau serta mematuhi arahan kerajaan.

-- BERNAMA

Inovasi kit halal UPM sejak 2010

MUKADIMAH

DALAM bahagian pertama disiarkan semalam, didedahkan mengenai projek kit halal yang sedang dibangunkan Universiti Selangor (Unisel) dan dijangka mampu menyelesaikan dilema umat Islam berkaitan isu halal produk makanan dalam pasaran. Alat itu dikatakan berupaya memberi keputusan dalam tempoh hanya seminit. Selain kit halal Unisel, ra-

mai yang tidak sedar bahawa alat yang seumpama itu sudahpun ada dalam pasaran negara kita sejak beberapa tahun dahulu lagi. Ini termasuk yang berharga semurah RM29 serta mudah dibawa ke mana-mana. Ikuti kupasan lanjut mengenai kit halal dan kepentingannya kepada kita daripada laporan yang disediakan ROBIATULADAWIYAH ABD RASHAD, NOOR AINULYAKIN MOHAMAD ISHAK & SITI NURSYAHIDAH ABU BAKAR.

HaFYS



HaFYS boleh beri keputusan dalam tempoh sejam.

"OH! Begitu mudah..." Itulah mungkin reaksi kita apabila membaca kenyataan mengenai kit halal yang sedang dibangunkan Unisel yang berupaya mengesan dan mengeluarkan keputusan haram atau tidak sesuatu produk hanya dalam tempoh seminit.



SHUHAIMI

la pasti akan lebih mengejutkan apabila dinyatakan bahawa selain Unisel, Universiti Putra Malaysia (UPM) sudah pun membangunkan alat yang lebih kurang sama sejak 2010 lagi.

Timbul persoalan, mengapa alat yang sebegitu dan sepenting itu bagi umat Islam, tidak dipopularkan?

HaFYS (Halal Verification System) yang dibangunkan oleh Institut Penyelidikan Produk Halal (IPPH), UPM dengan keupayaan untuk mengesan DNA babi dengan pantas dan tepat juga telah mendapat akreditasi daripada Jabatan Standard Malaysia (Standards Malaysia).

Timbalan Pengarah IPPH, Prof

Madya Dr. Shuhaimi Mustafa, berkata HaFYS dengan ciri-ciri ketepatan keputusan, reka bentuk yang mudah dibawa ke mana-mana meletakkan inovasi itu pada potensi yang sangat baik untuk digunakan secara meluas di seluruh dunia.

"Kami menasarkan pasaran untuk HaFYS adalah syarikat pengeluar makanan dan pengusaha restoran bagi memastikan bahan yang digunakan itu betul-betul halal," katanya.

Bagaimana menggunakannya dan apa kelebihan HaFYS?

Pengguna hanya perlu memasukkan sampel kecil produk ke dalam tabung sebesar batang pen sebelum meletakkannya ke dalam pemegang khas.

Berbanding kaedah kajian sebelum ini, sampel produk perlu dibawa ke makmal untuk dikaji dan ke-

putusan paling cepat akan diperolehi selepas dua hari.

Dengan HaFYS hasil boleh diperolehi dalam masa satu jam untuk menentukan produk mengandungi DNA terlarang seperti babi atau tidak.

HaFYS dikategorikan sebagai alat pengesanan yang canggih apabila mampu mengenal pasti dengan tepat jika terdapat unsur DNA babi dalam sebarang produk dengan catatan bacaan 0.001 peratus ataupun satu auns (0.04 gram) bagi setiap satu kilogram.

'One step, one button, one hour'

Itulah motto HaFYS yang menceritakan kelebihan

INFO

Kaedah lain mengesan unsur haram

- Protein (ELISA)
- Lemak (Kromatografi, FTIR)
- Electric Nose
- Alkohol (GC)



Penguat kuasa

Menurut Shuhaimi, alat seperti HaFYS sangat sesuai digunakan pegawai penguat kuasa ketika operasi.

"Reka bentuknya yang kecil dan ringan boleh dibawa ketika operasi pemantauan di-

Bacaan kod halal mungkin boleh dibaca melalui alat seperti pengimbas harga.

inovasi itu.

la bermaksud pengguna boleh mengesan kehadiran DNA babi dengan satu langkah penyediaan sahaja, menekan butang pada mesin PCR dan keputusan sama ada positif atau tidak boleh diperolehi dalam masa satu jam.

Penguat kuasa tidak perlu menunggu lama untuk memastikan sama ada sesebuah restoran atau pengeluar produk makanan menggunakan bahan terlarang atau tidak.

"Cara ini bukan sahaja cepat malah efektif. Dari aspek lain, rakyat melihat kecekapan pihak berkuasa menjalankan tugas tanpa menunggu laporan makmal yang lama untuk membuat sesuatu keputusan," katanya.

Shuhaimi memberitahu, IPPH sedang menjalankan penyelidikan terbaharu bagi membolehkan keputusan ujian itu dapat dilihat secara dalam talian.

"Sebagai contoh, ketika pemantauan dibuat di sebuah syarikat makanan di Kuala Lumpur, dan saringan dilakukan, dalam masa yang sama keputusan saringan itu dapat dibaca oleh mereka yang ada di Kedah.

"Teknologi ini akan digunakan bagi menaik taraf kemampuan HaFYS," katanya.

Felda Wellness plans IPO

It wants to list on Nasdaq in 2015

By NATALIE HENG
starbiz@thestar.com.my

SAN DIEGO: Felda Wellness Corp (FWC) has announced plans to access the global capital markets through a public listing on the Nasdaq stock exchange in the first quarter of 2015.

The move is in line with its plan to become a global player in the health and biotech industry.

The company, which is a wholly-owned subsidiary of the palm oil conglomerate Felda, just opened up its North American headquarters in San Francisco.

It hopes to raise US\$300mil (RM963.44mil) through the planned IPO.

The announcement by Felda deputy director-general of strategic resources Muhammad Sufi Mahbud, coincided with a soft launch of FWC's global brand, under the "mother brand" name FWC Formulae.

FWC said it wanted to penetrate the billion dollar nutraceuticals market, and aimed to launch its first line of herbal supplements by early next year.

It plans to distribute the new product line to 3,000 pharmacy outlets throughout Malaysia, as well as a further 10,000 outlets owned by a Malaysian company in Indonesia.

FWC is still in talks about its distribution plans for the United States. Other markets it aims to penetrate include Australia and South Korea.

The company also plans to launch a range of cosmeceuticals, and has longer term plans to add metabolic support drugs, and prescription medications on to its product line.

FWC also signed a memorandum of understanding with five companies based in three continents to develop what Muhammad Sufi described as "a hive or network of intelligence and knowledge assets" to support the company's entry into the global market.

These include a joint venture with private Australian bio-pharmaceuticals company Gordagen to develop novel supplements for exercise endurance based on tocotrienols and service contracts with:

- Neopeutics, a Bionexus status company with facilities in Penang and San Diego, as FWC's primary contract research partner
- Malaysian Genomics Resource Centre Bhd, which operates one of the largest bio-computational centres for genomics in the region
- Seeloz Inc, a California-based data mining company, which will provide FWC with a platform to analyse the retail healthcare industry and identify market opportunities to expand operations globally
- Naerok Resources Ltd, a

Seoul-based creative marketing consulting service with a track record in developing customised, market-leading distribution channels for cosmeceuticals, for when FWC introduces its line of cosmeceuticals into the South Korean market.

The announcements were made at the 2014 BIO International Convention, held at the San Diego Convention Centre from June 23-26.

Muhammad Sufi said their presence at the convention, one of the industry's premier global biotechnology events, was to announce FWC's first step into the US market.

"We are ideally placed to spearhead Malaysia's healthcare and biotech industry and to lead the transformation of Malaysian biodiversity resources into the third mega revenue generator for our nation, beyond petroleum and palm oil," he said.

We are ideally placed to spearhead Malaysia's healthcare and biotech industry.

- Muhammad Sufi Mahbud

FWC also plans to propose that the Government allow Felda Wellness Corp to lead the Malaysian healthcare biotech industry through the formation of a national body named Pharmanas Bhd in the mould of Petronas, to lead the commercialisation of healthcare and biotechnology in Malaysia.

He said Felda, together with Malaysia BiotechCorp, were to come up with a proposal to the Government, for the formation of a dedicated RM1bil biotechnology grant to build a global economic intelligence unit for botanical drug development.

The unit would provide funds to assist in gaining access to global capital markets, and consultancy services to aid foreign market penetration, and could be managed under the management of the proposed Pharmanas.

"Building on this RM1bil economic intelligence grant, we anticipate Pharmanas will be able to generate an annual global revenue of RM100bil for Malaysia, in the 20th year of its operation.

"To achieve this target, we need to build a truly global champion," he said.